

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG TACK (BENTONG)

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG TACK [BENTONG] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan Paket 6 *Central Spine Road* (CSR) iaitu Bentong ke Simpang Pelangai dijangka bermula dan siap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jalan Central Spine atau Central Spine Road (CSR) merupakan pembinaan jajaran jalan sepanjang dua ratus sembilan puluh lapan perpuluhan enam kilometer (298.6km) melibatkan kos keseluruhan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Perpuluhan Tujuh Bilion (RM7.7 bilion) yang menghubungkan Kuala Krai, Kelantan ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur, Karak, Pahang.

Pelaksanaan Jalan Central Spine dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) berdasarkan keutamaan kepada aspek keselamatan, kesesakan lalu lintas dan kesinambungan jajaran. Selaras dengan keperluan trafik semasa, keseluruhan projek ini telah diluluskan dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama.

Sehingga kini, sepanjang lapan puluh sembilan perpuluhan dua lima kilometer (89.25km) bersamaan dua puluh sembilan perpuluhan lapan sembilan peratus (29.89%) daripada keseluruhan jajaran CSR telah siap pembinaan dan telah dibuka kepada pengguna. Selain itu, terdapat dua belas (12) seksyen sepanjang seratus tiga puluh empat perpuluhan tiga kilometer (134.3km) bersamaan empat puluh empat perpuluhan sembilan lapan peratus (44.98%) dalam peringkat pembinaan manakala baki enam (6) seksyen melibatkan tujuh puluh lima perpuluhan kosong lima kilometer (75.05km) bersamaan dua puluh lima perpuluhan satu tiga peratus (25.13%) di peringkat perancangan dan perolehan.

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah memohon pembinaan Projek Jalan Central Spine (CSR) Paket Enam: Bentong ke Simpang Pelangai dalam Sesi Pemeriksaan Permohonan Projek Rolling Plan Satu (RP1), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang diadakan bersama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 28 Mei 2020 yang lalu. Walau

bagaimanapun, kelulusan yang diberikan adalah melibatkan jajaran Sertik ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (CH0 – CH8050) sepanjang lapan perpuluhan kosong lima kilometer (8.05 km) berbanding panjang asal empat puluh tujuh perpuluhan lima kilometer (47.5km).

Pembinaan Jalan Central Spine Paket Enam: Sertik ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur dijadual akan bermula pada suku pertama tahun 2022 dan dijangka dapat disiapkan pada suku pertama tahun 2025 melibatkan tempoh pembinaan selama tiga puluh enam (36) bulan.

Kementerian Kerja Raya komited untuk melaksanakan projek Jalan Central Spine yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kadar segera dan akan memberi tumpuan serta komitmen yang sepenuhnya bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.